

22/10/1997

Talam dua muka (HL)

Kamal Ahmad; Meor Hisham Zulkifli

KUALA LUMPUR, Selasa - Dewan Rakyat hari ini diberitahu, ada segelintir golongan korporat yang bersikap talam dua muka dengan menikam kepemimpinan negara dari belakang ketika Malaysia dilanda masalah ekonomi sekarang.

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan, Ruhanie Ahmad, berkata ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi berikutan penurunan nilai ringgit dan kejatuhan pasaran saham, golongan itu dengan mudah mengubah semangat patriotisme mereka.

Menurutnya, walaupun sebahagian mereka menyatakan sokongan jitu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam menangani masalah ekonomi dan kewangan negara, segelintir sedang bertindak menikam dari belakang.

"Saya menyuarakan hakikat ini kerana saya tahu memang wujud kepura-puraan di kalangan sesetengah warga korporat. Kepada golongan ini, saya merayu kotakan apa yang diperkatakan. Mereka harus insaf bahawa sebahagian besar keuntungan yang mereka perolehi selama ini adalah hasil perjuangan kerajaan dan pengorbanan rakyat.

"Saya kecewa jika ada warga korporat yang beranggapan mereka seolah-olah lebih berkuasa daripada kerajaan. Janganlah perkembangan ini dengan mudah menyebabkan rasa cinta dan sayang kepada negara berubah sekelip mata," katanya ketika membahaskan Belanjawan 1998 di Dewan Rakyat, hari ini.

Ruhanie yang juga Ahli Parlimen Parit Sulong bagaimanapun berkata, beliau terharu dengan sokongan pemimpin Pas dan DAP kepada pucuk pimpinan kerajaan Barisan Nasional dan berharap sokongan berkenaan jujur serta menyeluruh sehingga ke akar umbi.

Menurutnya, seluruh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga harus bertindak positif dan penuh bertanggungjawab. Selain strategi kerajaan untuk memulihkan keyakinan pelabur, kemantapan politik turut menjadi faktor utama bagi mengukuh keyakinan itu.

"Marilah sama-sama kita kurangkan politiking dalam waktu terdekat ini. Sama-samalah kita banteras semua unsur pemecah belah yang mungkin wujud di kalangan kita," katanya.

Beliau turut menyatakan kesal kerana ada media negara jiran terbawa-bawa dengan propaganda anti-Mahathir yang disemaikan oleh pihak tertentu di Barat.

Dua akhbar di Singapura minggu lalu mencetak semula satu laporan akhbar Thailand, The Nation, kononnya Dr Mahathir bertanggungjawab menjatuhkan nilai dollar Singapura serta ringgit Malaysia.

"Saya kecewa dengan apa yang berlaku di Singapura dan Thailand itu. Oleh itu, saya mendesak Wisma Putra membisikkan ke telinga pemerintah di Bangkok dan Singapura supaya peristiwa kurang ajar itu tidak berulang," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Idris Jusoh menjelaskan, kerajaan akan menyenaraihitamkan ahli korporat yang tidak mengenang budi selepas menikmati projek melalui skim penswastan dan projek kerajaan yang lain.

Menurutnya, walaupun sebahagian besar ahli korporat bertanggungjawab terhadap usahawan kecil dan sederhana di negara ini, masih ada yang kurang dari segi tanggungjawab sosial.

"Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Kewangan supaya mereka ini tidak akan diketengahkan atau dengan perkataan lain, kalau dikatakan disenarai-hitampun bolehlah," katanya menjawab soalan tambahan Datuk

Badruddin Amiruldin (BN-Yan).
(END)